

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [ KULAI ]**

**TARIKH : 10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan keputusan terkini selepas mengkaji semula kelulusan Pembukaan Institusi Baharu (PIB) bagi SMJK Heng Ee 2, Pulau Pinang yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri Kerajaan Pakatan Harapan (PH).

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 22 Januari 2020, telah meluluskan permohonan pembukaan institusi baharu (PIB) bagi premis SMK Heng Ee 2, Bayan Baru, Pulau Pinang dengan pentadbiran tersendiri. Walau bagaimanapun, keputusan tersebut hanya dibuat di bawah agenda hal-hal lain di mana tiada Memorandum Jemaah Menteri yang memperincikan perkara ini dibentangkan kepada Jemaah Menteri.

Oleh yang demikian, KPM akan mengemukakan Memorandum Jemaah Menteri berhubung perkara ini untuk penelitian dan pertimbangan semula kerajaan.

Sekian, terima kasih.